



POLISI MEMBANGUNKAN LAMAN WEB

Tarikh Kkuatkuasa	21 Feb 2005	Pindaan		Diluluskan Oleh	_____ Naib Canselor UNISEL
-------------------	-------------	---------	--	-----------------	-------------------------------

7.1 Tujuan Polisi

Polisi ini bertujuan menyelaraskan dan mengawasi pembangunan laman web yang dibangunkan oleh pengguna bersesuaian sepertimana yang dikehendaki oleh UNISEL.

7.2 Skop Polisi

Melibatkan semua pembangunan laman web di UNISEL, samada dibangunkan secara berpusat (oleh Pengurus Laman Web UNISEL menggunakan pelayan web utama) atau secara berasingan oleh FPJ mengguna komputer server web FPJ atau berpusat.

7.3 Polisi Pembangunan

- i. UNISEL menggalakkan warga kampus membangunkan laman web, tetapi hanya laman web rasmi FPJ/Persatuan atau seumpamanya sahaja yang boleh dimuatkan dalam laman web rasmi UNISEL;
- ii. Ketua jabatan adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua kandungan dan keselamatan laman web jabatan jika melibatkan penggunaan komputer server sendiri. Pihak UNISEL tidak akan bertanggungjawab terhadap kandungan dan sebarang penyalahgunaan hakcipta yang dilakukan oleh FPJ;
- iii. Semua laman web FPJ mesti mempunyai hubungan ('link') dengan laman utama UNISEL. Pentadbir laman web UNISEL dengan nasihat daripada JPPICT berhak menukar atau mengubahsuai kandungan laman web atas kepentingan UNISEL. Pentadbir laman web juga berhak menentukan perisian pembangunan laman web bagi tujuan mengoptimumkan penggunaan dan keselamatan;
- iv. Laman web peribadi yang berbentuk ilmiah adalah dibenarkan tetapi perlu mendapat kelulusan Pusat ICT. Pihak UNISEL tidak akan bertanggungjawab terhadap kandungan dan sebarang penyalahgunaan hakcipta yang dilakukan oleh FPJ;
- v. Kandungan laman web mesti dipersembahkan dalam Bahasa Melayu atau Inggeris atau kedua-duanya sekali. Penggunaan bahasa lain perlu mendapat kelulusan daripada JPPICT;
- vi. Kandungan laman web tidak boleh mengandungi maklumat yang menyalahi undang-undang/peraturan UNISEL, negeri dan negara. Ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) maklumat yang berbentuk keganasan, lucah, hasutan dan yang boleh menimbul atau membawa kepada keganasan, keruntuhan akhlak dan kebencian;

- vii. Semua laman web FPJ/peribadi/persatuan yang dibangunkan sendiri perlu dimaklumkan kepada Pusat Komputer dengan mengisi borang B-PICT 7/1 atau B-PICT 7/2 ('hosting' bagi tempoh masa terhad); dan
- viii. Dalam membangunkan laman web, pembangun perlu merujuk kepada Garis Panduan Laman Web UNISEL dan Garis Panduan Umum Reka Bentuk dan Kandungan Laman Web UNISEL.

7.4 Polisi Penggunaan Hos Maya ('Virtual Hosting')

- i. Setiap perkhidmatan 'hosting' akan mempunyai seorang pentadbir yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pengurusan maklumat tapak yang dihoskan. Adalah dimestikan pengendalian 'virtual hosting' ini mempunyai sekurang-kurangnya seorang pentadbir 'backup';
- ii. Setiap jabatan/pengguna bertanggungjawab terhadap penggunaan tapak yang dihoskan, khususnya terhadap maklumat yang disebarkan secara elektronik melalui laman web mereka dan mempunyai 'backup' terhadap segala maklumat yang dihoskan;
- iii. Pentadbir tapak hos berhak menyediakan polisi mereka sendiri yang tidak menghalang akses UNISELNet melainkan aspek-aspek keselamatan yang ditetapkan, tetapi tidak bercanggah dengan polisi yang dinyatakan di sini;
- iv. Sebarang masalah yang berkaitan dengan tahap penghantaran dan penerimaan data bagi tapak hos hendaklah dirujuk kepada Pusat ICT untuk tindakan selanjutnya;
- v. Pengguna tidak dibenarkan merosakkan sistem komputer atau data dengan apa jua cara seperti pengedaran virus komputer melalui tapak yang dihoskan;
- vi. Fail-fail yang mempunyai extension berikut : .exe, .cmd, .bat, .mov, .avi, .mp3, .mpeg, .mpg, .wav, .rm, .ram, .rmx, .asf, .wmf, .wmp, dan .zip dan fail yang mempunyai kapasiti melebihi 1 megabyte. Fail-fail ini akan dibuang secara automatik tanpa sebarang notis sekiranya dijumpai dalam tapak yang dihoskan; dan
- vii. Jika didapati bahawa sumber maklumat universiti telah disalahgunakan atau tidak mengikut polisi yang ditetapkan, Pusat ICT boleh menghadkan atau memansuhkan akses kepada tapak hos tersebut.